



Revolusi TVET di Malaysia: Menyediakan Tenaga Kerja untuk Ekonomi Masa Hadapan

Disediakan oleh:

Naulli Abdul Razak, Nazirah Ibrahim, Muhammad Azhan Hilmi,
Nurin Afifah Shaharudin

Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh (ILMIA)

Pengenalan

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memberikan pelajar pendedahan langsung kepada kemahiran praktikal dan pengetahuan teknikal yang diperlukan dalam pelbagai sektor industri seperti teknologi maklumat, kejuruteraan dan kesihatan.

TVET sebagai Agenda Nasional


Kadar pengangguran belia dilihat semakin meningkat walaupun ramai dalam kalangan mereka memiliki ijazah dari pelbagai bidang. Bagi menangani isu ini, kerajaan telah memperkasakan program TVET sebagai laluan pendidikan dan kemahiran yang lebih relevan dengan keperluan industri. Hasilnya, pelajar yang mengikuti TVET mempunyai peluang lebih tinggi untuk mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian. Kini, ia telah diangkat sebagai instrumen utama dalam agenda pembangunan negara. Sokongan terhadap TVET turut dizahirkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang menzahirkan keprihatinan terhadap TVET sebagai agenda nasional yang mampu melahirkan tenaga kerja berkualiti

dan berdaya saing melalui pemerkasaan sistem pendidikan (Berita Harian, 2025).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil inisiatif awal dengan merancang pengintegrasian kemahiran TVET dalam kurikulum sekolah rendah menjelang tahun 2027, ia selaras dengan matlamat kerajaan dalam pembangunan modal insan negara (Bernama, 2024). Langkah awal ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memupuk budaya kemahiran sejak usia muda, sejajar dengan keperluan tenaga kerja masa hadapan.

Fakta TVET Malaysia

Bilangan institusi TVET di Malaysia pada tahun 2024 adalah 1,398 institusi, terdiri daripada 673 institusi awam di bawah 12 kementerian, 697 institusi swasta dan 28 institusi awam di bawah 12 kerajaan negeri.




Sumber: MySPIKE JPK & MQA, Oktober 2024



Institusi TVET turut menawarkan pelbagai tahap pendidikan yang merangkumi 216 program ijazah, 1,933 program diploma dan 5,058 program sijil bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang lebih praktikal (TVET Madani, 2024).

Semua negeri di Malaysia mempunyai institusi TVET, dengan Selangor mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 295 institusi, diikuti W.P. Kuala Lumpur (146 institusi) dan Johor (133 institusi) pada tahun 2024. Taburan ini mencerminkan kepentingan TVET dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri di setiap negeri.




Sumber: MySPIKE JPK & MQA, Oktober 2024

Kebolehpasaran Graduan & Trend Pendidikan Lanjutan TVET

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyatakan kadar kebolehpasaran graduan TVET adalah 96.5 peratus, dan ianya lebih tinggi berbanding bagi graduan laluan akademik tradisional (88.3 peratus). Ini menunjukkan pelajar TVET lebih mudah mendapat pekerjaan. Kenyataan ini dikeluarkan semasa sesi Parlimen dan turut menyokong agenda kerajaan dalam memperkukuh laluan pendidikan berasaskan kemahiran (The Star, 2024).

Pendaftaran pengajian tinggi TVET peringkat Ijazah Sarjana dan PhD menunjukkan peningkatan yang ketara, iaitu lebih tiga kali ganda dalam tempoh setahun. Seramai 116 pelajar telah mendaftar bagi tahun 2023 manakala pada tahun 2024, bilangan tersebut meningkat kepada 369 pelajar. Peningkatan ini mencerminkan minat yang semakin tinggi terhadap kerjaya teknikal, penyelidikan dan pengajaran dalam bidang TVET.





Sumber: Majlis Amarah Rakyat (MARA), 2024

TVET sebagai Pemacu Ekonomi Strategik

Perkembangan ini turut disokong oleh peningkatan bilangan penyertaan pelajar dalam program TVET yang mencatatkan lebih 436,285 peserta pada tahun 2023 berbanding 407,000 pada tahun sebelumnya. Angka ini turut disokong oleh dapatan bahawa sebanyak 53.5% pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih laluan TVET pada tahun 2023.

Peningkatan ini mencerminkan keyakinan masyarakat terhadap TVET sebagai laluan pendidikan yang menjanjikan masa depan cerah dan berdaya saing. Dengan struktur kurikulum yang menekankan 70 peratus latihan amali dan 30 peratus teori, TVET mampu melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir tetapi juga bersedia menghadapi cabaran industri moden.

Negara seperti Jerman dan Singapura telah membuktikan keberkesanan sistem TVET dalam merangsang pertumbuhan industri serta meningkatkan daya saing negara di peringkat global. Malaysia juga sedang menuju ke arah yang sama dengan menjadikan pelaburan TVET

sebagai strategi utama untuk menjamin masa depan ekonomi yang lebih kukuh, mampan dan berdaya tahan. Penekanan terhadap statistik kekosongan pekerjaan yang berkaitan dengan sektor teknikal dan vokasional turut memperkukuh hujah ini, kerana ia menonjolkan keperluan mendesak pasaran terhadap tenaga kerja berkemahiran, sekali gus menegaskan peranan kritikal TVET dalam memenuhi tuntutan ekonomi moden.

Transformasi dan Pemerkasaan TVET ke arah Masa Depan Berdaya Saing

Malaysia sedang giat mentransformasi landskap TVET melalui penubuhan Majlis TVET Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sejak 2021. Pendekatan ini menekankan penyelarasan tadbir urus TVET dengan kehendak ekonomi negara. Kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta seperti Syarikat Siemens Malaysia, Petronas dan Sunway akan memperkukuh latihan berasaskan industri latihan sambil bekerja dan penempatan kerja, sekali gus memastikan pelajar TVET memperoleh kemahiran yang relevan. Institusi TVET wajar mengintegrasikan teknologi IR4.0 seperti automasi, robotik dan analitik data dalam kurikulum pembelajaran mereka.

Selain itu, usaha berterusan kerajaan dalam memperkasakan laluan kerjaya TVET telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan apabila seramai 17,335 graduan berjaya memperoleh pekerjaan melalui portal MYFutureJobs dalam tempoh Januari hingga 4 April 2025 (Berita Harian, 2025). Peluang pekerjaan yang wujud kini banyak dipacu oleh aktiviti



ekonomi dalam pembuatan, perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan serta pengangkutan dan penyimpanan. Pencapaian ini mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam memperluas akses belia kepada peluang pekerjaan yang melalui platform TVET, sejajar dengan keperluan sebenar pasaran kerja.

Sebahagian daripada usaha dalam memperkukuh ekosistem TVET, merupakan sambutan Hari TVET Negara 2025 yang telah diadakan pada 11 hingga 13 Jun 2025 di Melaka, menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk kementerian, agensi dan industri. Malaysia juga telah menganjurkan Dialog Dasar Serantau Majlis TVET ASEAN (ATC) bersempena peranannya sebagai Pengerusi ASEAN 2025.


Dialog ini menunjukkan komitmen Malaysia dalam memperkukuh kerjasama serantau serta memacu pembangunan modal insan berkemahiran tinggi sejajar dengan keperluan industri masa hadapan, sekali gus meneguhkan kedudukan negara sebagai peneraju TVET di rantau ini.

Belanjawan 2025 memperlihatkan komitmen kerajaan yang berterusan dalam memperkasa ekosistem TVET. Sejumlah RM7.5 bilion diperuntukkan, dengan peningkatan 10.3 peratus berbanding RM6.8 bilion pada tahun sebelumnya.

Lonjakan ini menandakan kesungguhan negara untuk melahirkan tenaga kerja yang bersedia dengan keperluan industri berasaskan teknologi, digitalisasi dan IR4.0. Ia juga bertujuan memastikan Malaysia mempunyai tenaga kerja yang bersedia menghadapi cabaran masa depan dan kekal berdaya saing bukan sahaja di peringkat nasional, malah serantau dan global.

Belanjawan 2025 menunjukkan komitmen kukuh kerajaan dalam memperkasa TVET sebagai strategi utama pembangunan modal insan dan ekonomi negara. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan usaha bersepadu kerajaan untuk memastikan TVET menjadi pemacu utama dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, sejajar dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi semasa.

Komitmen Kerajaan dalam Belanjawan 2025



Sumber: Ucapan Belanjawan 2025,
Kementerian Kewangan Malaysia



Inisiatif Latihan dan Kemahiran



Geran padanan RM50 juta disediakan untuk lebih banyak industri mengikuti Program "Anak Angkat ILKA"



PTPK menyediakan pembiayaan sehingga RM500 juta untuk manfaat lebih 20,000 pelatih



HRDCorp akan memanfaatkan dana RM3 bilion untuk menawarkan 3 juta peluang latihan



Khazanah menyediakan RM200 juta melalui Program Pembangunan Belia Khazanah (K-Youth) bagi membekalkan 11,000 bakat tempatan kepada sektor utama seperti semikonduktor



GiatMARA juga akan menyediakan latihan jangka pendek kepada lebih 3,000 pekerja gig



PERKESO akan membina sebuah Pusat Rehabilitasi yang serba canggih di Terengganu dengan kos hampir RM600 juta

Sumber: Ucapan Belanjawan 2025, Kementerian Kewangan Malaysia

TVET Sebagai Teras Masa Depan Negara

Perkembangan pesat teknologi serta peningkatan kompleksiti dalam keperluan pasaran buruh menuntut transformasi menyeluruh dalam sistem pendidikan dan latihan kemahiran negara. Dalam konteks ini, pelaburan strategik dalam TVET dilihat sebagai suatu langkah jangka panjang yang amat penting bagi memastikan daya saing negara kekal relevan dalam landskap ekonomi global yang sentiasa berubah dan mencabar. Permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran turut meningkat selari dengan kemunculan industri baharu, khususnya dalam sektor pembuatan pintar berasaskan kecerdasan buatan (AI) dan teknologi tenaga boleh diperbaharui.

Bagi menghadapi realiti baharu ini, hanya modal insan yang fleksibel, adaptif serta memiliki kemahiran tinggi mampu memenuhi kehendak industri dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, memperkasa ekosistem TVET menuntut anjakan paradigma di peringkat nasional yang bersifat berani, inklusif dan progresif. TVET tidak boleh lagi dilihat sebagai laluan alternatif semata-mata, sebaliknya perlu diiktiraf sebagai pemacu utama dalam merintis masa depan ekonomi negara yang mampan, berdaya saing dan berteraskan inovasi.



Rujukan

Zanariah Abd Mutalib. (2025, 3 Februari). TVET akan terus diangkat sebagai agenda nasional - Ahmad Zahid. Berita Harian. Bahan diakses pada 20 Mei 2025, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1356997/tvet-akan-terus-diangkat-sebagai-agenda-nasional-ahmad-zahid>

Bernama. (2024, 14 November). Elemen TVET diperkenal kepada murid tahun satu pada 2027. Bernama. Bahan diakses pada 20 Mei 2025, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/elemen-tvet-diperkenal-kepada-murid-tahun-satu-pada-2027-496279>

Ho Jian Wen, Khoo Gek San & Gerard Gimino. (2024, 26 November). TVET grads more employable, with marketability rate at 96.5%, says Zahid. The Star. Bahan diakses pada 20 Mei 2025, daripada <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/26/tvet-grads-more-employable-with-marketability-rate-at-965-says-zahid>

Bernama. (2025, 8 April). Sambutan hari TVET negara pada 11 hingga 13 Jun di Melaka. Bernama. Bahan diakses pada 20 Mei 2025, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sambutan-hari-tvet-negara-pada-11-hingga-13-jun-di-melaka-515683>

Essa Abu Yamin. (2025, 28 April). Lebih 17,000 graduan TVET dapat kerja menerusi portal MYFutureJobs. Berita Harian. Bahan diakses pada 20 Mei 2025, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1389848/lebih-17000-graduan-tvet-dapat-kerja-menerusi-portal-myfuturejobs>

Fakta M-TVET. Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional Malaysia. TVET Madani. Bahan diakses pada 19 Mei 2025, daripada <https://www.tvet.gov.my/manual/faktamtvet.pdf>

Dashboard Statistik TVET. Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional Malaysia. TVET Madani. Bahan diakses pada 19 Mei 2025, daripada <https://bda.tvet.gov.my/public/dashboard/1a3499f3-5a3d-4200-832a-247418a7c527>

Ucapan Belanjawan 2025, Kementerian Kewangan Malaysia. Bahan diakses pada 4 Jun 2025, daripada <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2025/ucapan/ub25.pdf>

